

SOALAN NO.: 16

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO

KAWASAN : PUCHONG

TARIKH : 1 APRIL 2014, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah butir-butir terperinci berkenaan pembinaan Lebuh Raya KIDEX, pelan pembinaan dan kos serta masa pembinaannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Konsesi Lebuh Raya Kinrara – Damansara atau KIDEX telah ditandatangani pada 15 November 2013. Projek ini akan dilaksanakan secara penswastaan oleh syarikat konsesi KIDEX Sdn. Bhd.

Pada masa kini KIDEX Sdn Bhd. sedang dalam proses untuk memenuhi beberapa syarat *condition precedent* dalam tempoh 12 bulan sebelum perjanjian konsesi berkuat kuasa, iaitu antara lain mengesahkan bukti pembiayaan (*financial close*) kepada Kerajaan, dan mengadakan bancian/tinjauan umum (*public opinion survey*) mengenai sokongan atau bantahan terhadap cadangan pembinaan lebuh raya ini.

Sehubungan itu, pelaksanaan projek KIDEX ini tertakluk kepada syarikat konsesi memenuhi *condition precedent* yang telah ditetapkan itu termasuk keputusan dari hasil tinjauan awam berkenaan. Jika tidak ada halangan projek ini dijangka akan bermula pada awal tahun 2015 dengan tempoh siap pembinaan ialah selama 36 bulan.

Sekian. Terima kasih.